

21/10/2001

Kementerian pantau rapi aliran harga

GENTING HIGHLANDS: Kerajaan akan membuat pemantauan rapi mengenai harga barang yang ditawarkan peniaga, ekoran kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter berkuatkuasa semalam.

Malah, kerajaan akan memantau peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan berikutan pemberian bonus dan kenaikan gaji kakitangan awam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata Kabinet sudah mengarahkan kementeriannya mengikuti perkembangan aliran harga supaya kadar inflasi kekal pada paras ditetapkan.

"Sekarang kadar inflasi 1.5 peratus iaitu antara kadar terendah di kalangan negara membangun.

"Jadi, kita akan membuat pemantauan supaya kesan daripada kenaikan (harga petrol) itu tidak begitu mendadak kepada industri atau perniagaan yang berkaitan terutama pengangkutan," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Stesen Minyak Petronas Malaysia, di sini semalam.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata peniaga juga perlu mengurangkan harga bagi barangan yang dikurangkan duti atau dihapuskan cukai.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Belanjawan 2002 yang antara lain mengumumkan kenaikan harga petrol dan duti import bagi rokok, penurunan duti import 55 jenis barangan yang sudah lama diberi perlindungan turun antara 20 dan 105 peratus kepada 10 hingga 50 peratus termasuk minuman ringan, fabrik tenun, renda dan selimut.

Muhyiddin berharap peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya hanya kerana alasan pelbagai galakan yang diberikan kerajaan dalam belanjawan, terutama pemberian bonus dan kenaikan gaji kepada kakitangan awam.

(END)